

PM mengetuai ahli2 Dewan angkat sumpah

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengetuai ahli-ahli Dewan Rakyat mengangkat sumpah dalam satu persidangan khas Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau mengangkat sumpah taat setia di hadapan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang baru, Datuk Mohamad Zahir Haji Ismail kira-kira jam 2.45 petang.

Ini diikuti oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Alshah Ghani, Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kesihatan, Tan Sri Chong Hon Nyan dan lain-lain anggota Dewan.

Empat menteri tidak mengangkat sumpah hari ini, termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamad Nasir kerana beliau adalah ahli Dewan Negara.

Tiga menteri lain ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Lee San Choon, Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku

Ahmad Rithauddeen.

Tan Sri Ghazali kini berada di Singapura menghadiri Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN.

Perkara 59 Perlembagaan Persekutuan antara lain menyebut "Jika seseorang ahli Dewan tidak mengambil tempatnya dalam masa tiga bulan dari tarikh Majlis Parlimen itu bersidang bagi pertama kalinya selepas dipilih, tempatnya akan kosong". Bagaimanapun, Datuk

Seri Dr. Mahathir mencadangkan tempoh tersebut dilanjutkan bagi membolehkan ahli-ahli yang tidak hadir hari ini mengambil tempatnya.

Ini disebabkan, Dewan Rakyat akan bersidang mulai Isnin 11 Oktober, melebihi tiga bulan dari yang dibenarkan.

Cadangan Datuk Seri Dr. Mahathir disokong oleh Datuk Musa dan dipersetujui sebulat suara oleh ahli-ahli Dewan yang hadir.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2836
No. Penerimaan 581/85